



## "GURU DIHORMATI, ILMU DIBERKATI".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: قَالَ سَتَجْدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ صَابِرًا وَلَا أَعْصِي لَكَ أَمْرًا <sup>۱</sup>	2
أَشْهُدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوْيَ اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.	4
<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya akan menjadikan kita hamba yang bakal mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
<b>Muslimin yang berbahagia,</b>  Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk " <b>GURU DIHORMATI, ILMU DIBERKATI.</b> "	6
<b>Muslimin yang berbahagia,</b>  Islam amat menitik beratkan soal adab dalam kehidupan. Adab yang perlu dijaga adalah adab dengan Allah SWT, adab sesama manusia dan alam sekeliling. Persoalan adab ini banyak diberi penekanan dalam al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Di antara adab yang perlu diambil perhatian adalah adab dengan guru.	7
<b>Guru merupakan insan yang mulia.</b> Mereka mendidik kita sehingga menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Melalui didikan dan bimbingan guru, kita menjadi insan yang berilmu dan dapat pula memanfaatkannya untuk diri sendiri dan masyarakat. Oleh itu, kita perlulah menjaga adab semasa bersama dengan guru sebagai menghargai jasa bakti mereka.	8

<sup>1</sup> Al-Kahfi : 69.



<p>Sebuah kisah yang dirakamkan dalam al-Quran di antara Nabi Musa AS dan Nabi Khidir AS boleh kita jadikan pengajaran. Seperti mana maksud ayat 69 daripada Surah al-Kahfi yang telah dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>"Nabi Musa berkata: Engkau akan dapati aku, Insya Allah: Orang yang sabar; dan aku tidak akan membantah sebarang perintahmu."</i></p>	9
<p>Nabi Musa AS dengan sifat merendah diri telah menzahirkan adab sebagai seorang murid dengan gurunya. Antaranya sikap sabar dan menurut kata-kata guru. Inilah contoh sikap yang perlu diambil perhatian oleh seseorang murid terhadap gurunya.</p> <p><b>Muslimin, tetamu Allah yang dirahmati sekalian,</b></p>	10
<p>Seseorang yang pernah mendidik kita adalah guru yang perlu kita hormati. Daripada mereka lah kita belajar membaca, menulis dan mengira sehingga kita menjadi insan yang berguna. Banyak kisah para ulama silam yang menghormati guru mereka boleh kita jadikan pengajaran .</p>	11
<p>Pernah diceritakan satu kisah bagaimana Imam Syafie menghormati dan menghargai seseorang yang pernah mengajarnya walaupun ilmu yang sedikit. Pada suatu hari sedang beliau memberi kuliah kepada para pelajarnya, datang seorang Badwi yang comot dan busuk sekali. Lantas beliau menghentikan kuliahnya untuk mendekati Badwi itu dan memeluknya dengan erat.</p> <p>Selepas daripada kuliah, muridnya pun bertanya mengapa beliau memeluk Badwi tersebut sedangkan dia comot dan busuk? Beliau memberitahu bahawa Badwi tersebut adalah gurunya dan kerana itu beliau memeluknya sebagai cara menghormati guru. Pelajar-pelajar beliau semakin terpegun apabila mengetahui bahawa Badwi tersebut adalah guru kepada Imam Syafie.</p>	12
<p>Selanjutnya Imam Syafie berkata: "Pada suatu hari, sedang aku menulis kitab fekah, aku menghadapi satu masalah untuk mengenali dan membezakan di antara anjing yang cukup umur dengan yang belum cukup umur. Lalu aku fikir tentu Badwi itu tahu kerana Badwi banyak memelihara anjing untuk mengawal kambing-kambing mereka. Aku pun bertanya kepada Badwi yang aku peluk tadi. Badwi itu menerangkan bahawa anjing yang cukup umur mengangkat sebelah kaki belakang apabila membuang air kecil, manakala anjing yang tidak cukup umur tidak mengangkat kakinya apabila membuang air kecil. Dengan penerangan Badwi itulah maka aku dapat menyiapkan kitabku ini."</p>	13



Walaupun hanya sedikit ilmu yang diperolehi daripada Badwi tersebut, namun penghormatan beliau kepadanya menggambarkan adab yang mulia yang dituntut dalam Islam.

Begitulah kisah yang boleh diambil pengajaran buat umat Islam dalam menghormati guru. Dengan adab yang mulia terhadap guru, dapat kita lihat betapa berkatnya ilmu para ulama silam sehingga mereka menjadi orang yang disegani dan menjadi rujukan umat Islam sehingga ke hari ini.

14

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Ada beberapa perkara yang boleh kita amalkan bagi menjaga adab dengan guru. Di antaranya mengucapkan salam semasa bertemu dengan guru. Amalan mengucapkan salam merupakan amalan yang mulia yang sangat dituntut dalam Islam. Lebih-lebih lagi bagi seorang murid mengucapkan salam kepada gurunya. Jadikan diri kita sebagai pemberi salam terawal sebelum guru kita memberi salam kepada kita.

15

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu, Rasulullah SAW bersabda:

لِيُسَلِّمَ الصَّغِيرُ عَلَى الْكَبِيرِ، وَالْمَأْرُ عَلَى الْقَاعِدِ، وَالْقَلِيلُ عَلَى الْكَثِيرِ

16

"Yang kecil hendaklah mengucapkan salam kepada yang besar, yang sedang berjalan kepada yang duduk, dan bilangan yang sedikit kepada yang banyak."

(Muttafaqun Alaih)

17

Membantu guru juga merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam. Sebagai murid, kita boleh membantu guru dalam banyak perkara. Daripada hal-hal di dalam sekolah sehinggalah kepada hal-hal yang berada di luar sekolah. Janganlah hanya memberi bantuan apabila diminta oleh guru sahaja, sebaliknya ringan-ringankanlah tulang kita membantu guru apabila ternampak keadaan yang memerlukan. Segala amalan baik yang kita lakukan akan dibalas dengan adil oleh Allah SWT.

18

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am ayat 160:

مَنْ جَاءَ بِالْحُسْنَةِ فَلَهُ وَعَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

19



"Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya dan sesiapa yang membawa amal kejahanan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahanan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun)."	20
Semasa di sekolah guru-guru menjadi ibu dan bapa kita. Sebagaimana adab kita bersama dengan ibubapa begitulah juga adab kita bersama dengan guru. Jika kita digalakkan untuk mendoakan ibubapa kita maka begitu jugalah kepada guru-guru kita. Mohonlah kepada Allah SWT kebaikan buat guru-guru kita.	21
Amaran Allah SWT terhadap mereka yang sompong daripada berdoa kepada-Nya dirakamkan dalam al-Quran menerusi Surah al-Mukmin ayat 60: <b>وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ</b> <b>دَاخِرِينَ</b>	22
"Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbir daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina."	23
<b>Hadirin yang berbahagia,</b>  Kini, ramai penuntut tidak lagi mementingkan adab kepada guru mereka. Guru hanya dianggap sebagai manusia biasa sahaja yang tidak perlu dihormati. Lebih parah lagi, ada yang bermusuh dengan guru mereka. Terdapat juga segelintir murid yang melawan, mencalarkan kereta, menumbuk, menghina, bersangka buruk, mengumpat dan mencaci maki guru.	24
Allah SWT juga memberi amaran keras terhadap mereka yang bersangka buruk, mengaibkan orang lain dan mengumpat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 12 : <b>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظُّنُنِ إِنَّ بَعْضَ الظُّنُنِ إِثْمٌ وَلَا تَجْسَسُوا وَلَا يَعْتَبِ بَعْضُكُمْ بَعْضًا</b>	25



<p>"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain."</p>	26
<p><b>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</b></p> <p>Bagi mengakhiri khutbah, marilah kita semua mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa menjaga adab dalam kehidupan seharian adalah satu tuntutan Allah SWT.</li><li>2. Umat Islam hendaklah menghormati guru-guru supaya mendapat keberkatan ilmu mereka.</li><li>3. Umat Islam hendaklah sentiasa menerapkan nilai-nilai murni dalam diri walau di mana juga mereka berada</li></ol>	27
<p style="text-align: center;"><b>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</b></p> <p style="text-align: center;"><b>وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هُوَنَا وَإِذَا حَاطَبُهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا</b></p>	
<p>"Dan hamba-hamba (Allah) Al-Rahman (yang diredhai-Nya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini."</p> <p style="text-align: right;">(al-Furqan : 63).</p>	
<p style="text-align: center;"><b>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ</b></p> <p style="text-align: center;"><b>وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</b></p>	28
<p style="text-align: center;"><b>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،</b></p> <p style="text-align: center;"><b>فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</b></p>	29



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ رُبُّصَلُونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَرْوَاجِهِ وَدُرْبِرَاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِينٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	7
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْتَ حَفَظَ بِعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	8
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	9
<p>اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	10



11	<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ。</p>
12	<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>
13	<p>Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Millah Abraham.</p>
14	<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Novel Coronavirus (Covid-19) dan lain-lain..</p>
15	<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>
16	<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذِرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ</p>
17	<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾</p>
18	<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاשْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>



*Khutbah Jumaat 21 Feb. 2020M / 27 Jumadal Al-Akhirah 1441H: “Guru Dihormati, Ilmu Diberkati”.*  
*Jabatan Agama Islam Selangor*